

Pemuda UMNO rancang tubuh YPB

UM 29 AUG 2001

Oleh AMREE AHMAD

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia merancang penubuhan Yayasan Pembangunan Belia (YPB) bagi membantu golongan berkenaan terlibat secara serius dalam sektor perniagaan dan pertanian di negara ini.

Pengerusi Biro Belia pergerakan itu, Zahidi Zainul Abidin berkata, program yang terbuka kepada semua kaum itu membolehkan golongan belia mendapat kemudahan pinjaman maksimum sebanyak RM5,000 bagi menceburi sektor yang digemari.

"Sehubungan itu, Pemuda akan membawa perkara ini kepada pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dapat diperuntukkan dana sebanyak

RM300 juta untuk disalurkan kepada yaysan berkenaan," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan selama tiga jam dengan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Raja Ruslan Raja Samah di sini hari ini.

Pertemuan yang disertai seramai 20 orang anggota biro berkenaan diadakan bagi membincangkan permasalahan semasa golongan itu serta merangka beberapa program pembangunan belia secara jangka masa panjang dengan Kementerian terbabit.

Menurut Zahidi, bagi memastikan peranan YPB itu tidak bertindih dengan dana-dana lain terutamanya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, skop pinjamannya akan dikecilkan kepada RM5,000 ke bawah sahaja.

"Malahan YPB juga bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan lain seperti Kementerian Pertanian kerana fungsi yaysan ini sebenarnya hendak menghidupkan semula konsep belianiaga dan beliatani yang pernah wujud suatu masa lalu," katanya.

Selain itu, beliau juga memaklumkan biro berkenaan akan menubuhkan Kelab Patriotik Belia (KPB) serta Pusat Maklumat dan Kaunseling Belia di setiap bahagian pilihan raya dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan.

Beliau yang juga Exco pergerakan itu berkata, KPB berperanan untuk melatih generasi muda khususnya penuntut berusia bawah 30 tahun yang bernotensi membentuk diri sebagai bakal pemimpin pelapis negara pada masa akan datang.

Sementara pusat berkenaan pula akan membantu lepasan sekolah mendapatkan maklumat terkini prospek kerjaya atau pengajian yang sesuai selain berfungsi sebagai tempat aduan permasalahan remaja.

Zahidi menambah, jentera Pemuda Bahagian khususnya Biro Belia akan melaksana dan memantau program-program tersebut bagi memastikan golongan belia sedar kerajaan sentiasa prihatin dengan segala permasalahan semasa yang mereka hadapi.

"Pemuda UMNO yakin, pelaksanaan program seumpamanya secara bersepadu dapat membantu kerajaan membentuk generasi masa depan yang cemerlang dan yakin ini juga menepati perjuangan parti untuk member-i khidmat kepada rakyat," katanya.